

B596:
MAHATHIR-ANUGERAH
(1)

1981

BANGKOK, 23 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DIKURNIAKAN DENGAN ANUGERAH AWAM THAILAND YANG TERTINGGI, + THE KNIGHT GRAND CORDON (SPECIAL CLASS) OF THE MOST EXALTED ORDER OF THE WHITE ELEPHANT. +

ANUGERAH ITU, YANG DIPERKENANKAN OLEH RAJA, TELAH DIKURNIAKAN KEPADA PERDANA MENTERI DALAM SAMA TU ISTIADAT KHAS OLEH PERDANA MENTERI JEN. PREM TINSULANOND DI RUMAH KERAJAAN DISINI PETANG INI.

JEN. PREM JUGA TELAH MENYAMPAIKAN KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR BUNGKUSAN UBAT SUNTIKAN UNTUK PENYAKIT KUKU DAN MULUT.

DALAM PENGURNIAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DISEBUT ATAS PENGORBANAN DAN DEDIKASINYA KEPADA MALAYSIA DAN RAKYATNYA, SUMBANGANNYA DALAM MEMPERKUKUKKAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA DAN PERANAN PENTING YANG DIMINKANNYA DALAM MENGUKUKKAN ASAS PEESAHABATAN, KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN ANTARA MASYARAKAT ANTARABANGSA DAN ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND.

KEMUDIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAHIRKAN PENGHARGAANNYA DI ATAS HADIAH UBAT TERSEBUT MEMANDANGKAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT TELAH MENJADI SATU MASALAH BESAR DI MALAYSIA.

BELIAU JUGA MELAHIRKAN PENGHARGAANNYA DI ATAS PENGANUGERAHAN TERSEBUT. -- BERNAMA 2233/ZCM